

**AMANAT KHAS**  
**MENTERI BESAR KELANTAN**

**3defaq**  
**PENTADBIRAN**  
*Membangun Bersama Islam*



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan sesungguhnya kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada Nabi Daud dan Nabi Sulaiman; dan mereka berdua bersyukur dengan berkata: "Segala puji tertentu bagi Allah yang dengan limpah kurniaNya memberi kami kelebihan mengatasi kebanyakan hamba-hambaNya yang beriman". Dan Nabi Sulaiman mewarisi (pangkat kenabian dan kerajaan) Nabi Daud; dan (setelah itu) Nabi Sulaiman berkata: "Wahai umat manusia, kami telah diajar mengerti bahasa pertuturan burung, dan kami telah diberikan serba sedikit dari tiap-tiap sesuatu (yang diperlukan); sesungguhnya yang demikian ini adalah limpah kurnia (dari Allah) yang jelas nyata". (al-Naml: ayat 15-16)*

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, buletin IPTG bilangan kedua bagi tahun 2020 ini dapat diterbitkan. Saya merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada seluruh warga IPTG khususnya kepada sidang redaksi buletin IPTG yang bertungkus-lumus sehingga berjaya menerbitkan buletin bagi edisi pada kali ini. Saya berharap buletin ini akan menjadi sumber ilmu yang bermanfaat kepada kita semua.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh warga IPTG kerana berjaya menggalas tanggungjawab dengan cemerlang walaupun terpaksa berdepan dengan suasana yang kritikal dimana negara kita masih lagi berperang menangani pandemik Covid-19. Marilah sama-sama kita bekerjasama dalam memerangi wabak Covid-19.

Disini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2021M kepada seluruh rakyat Kelantan khususnya warga IPTG yang bakal tiba beberapa hari lagi. Didoakan semoga Allah menerima dan memberkati amalan daripada kita semua dan memasukkan kita dalam kalangan orang yang beriman dan berjaya. Sekali lagi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada warga IPTG kerana turut saling berganding bahu, saling lengkap melengkapinya dalam membantu kerajaan menjayakan dasar Membangun Bersama Islam dan merakyatkannya. Di doakan semoga usaha ini diteruskan sehingga Allah mengurniakan keberkatan, kerahmatan, dan kemenangan yang besar kepada kita semua.

Sekian, Wassalam.

**Raja Berdaulat, Rakyat Muafakat,Negeri Berkat  
'Merakyat Membangun Bersama Islam -  
Keberkatan, Kemakmuran, Kebajikan'**

  
**YAB Ustaz Dato Bentara Kanan  
Dato' Haji Ahmad bin Yakob**  
Menteri Besar Negeri Kelantan

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين

Allah SWT berfirman yang bermaksud:


*Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuiNya tentang orang-orang yang berdusta." (al-Ankabut ayat 2-3)*

Assalamualaikum wbt. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dan salam selawat buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan umat Islam keseluruhan. *Amma ba'du.*

Ucapan syabas dan setinggi penghargaan kepada seluruh pasukan redaksi penerbitan buletin IPTG yang telah berjaya menerbitkan buletin bilangan kedua bagi tahun 2020. Edisi buletin pada kali ini memaparkan aktiviti-aktiviti dan program IPTG sepanjang bulan Julai sehingga Disember 2020. Walaupun program kita tidak dapat berjalan sebagaimana dirancang kerana penularan wabak Covid-19, namun begitu IPTG telah berjaya menganjurkan beberapa program lain secara atas talian seperti kuliah secara langsung talian dijenamakan sebagai Pagi@IPTG yang dibuat di Mini Studio IPTG secara harian pada waktu bekerja bermula pada 12 Julai 2020 dan akan berakhir pada 31 Disember 2020.

Selain itu, kita juga berjaya menganjurkan program wacana bersama pejabat EXCO dibawah portfolio Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi yang telah berlangsung pada 16 November 2020. Sehubungan itu, saya sebagai Pengarah IPTG akan sentiasa berusaha untuk memastikan perancangan IPTG akan berjalan dan dilaksanakan mengikut apa yang telah direncanakan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan, EXCO-EXCO, ADUN-ADUN, Ahli Lembaga IPTG, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), penyumbang-penyumbang, dan semua pihak yang membantu IPTG secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan program-program yang telah dirancang sepanjang tahun 2020 ini.



Saya juga berharap dengan penerbitan buletin kali ini dapat berkongsi maklumat yang bermanfaat kepada semua pihak dan sebagai salah satu medium penyaluran maklumat berkaitan program dan aktiviti IPTG sepanjang tahun ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2021M kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya warga IPTG yang bakal menyusul beberapa hari lagi. Didoakan semoga kita dihindarkan daripada kesusahan dan wabak, dimurahkan rezeki dan diperteguhkan iman untuk terus mengabdikan diri kepadaNya.

Sekian, Wassalam.

**YBhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat  
Pengarah**  
Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia

# SIDANG REDAKSI

Tinta Pengarah	02
Dari Meja Pengarah	03
Sidang Redaksi	04
Rencana : MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - Bahagian IV	05
Doa Memohon ILMU YANG BERMANFAAT	07
Berita & Aktiviti IPTG	08
Tazkirah : BERSEDEKAHLAH, Jangan Bimbang!	10
Fokus : Ulasan Buku BIOGRAFI RINGKAS TGNA	12
Berita & Aktiviti IPTG : Wacana Memartabatkan Legasi TGNA	14
Berita & Aktiviti IPTG	16
Kunjungan Hormat	18



**Penaung**

YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan  
Dato' Haji Ahmad Bin Yakob

**Penasihat**

YBhg. Dato' Dr. Johari Bin Mat

**Penyelaras**

Mohd Hafizi Bin Mahadi

**Ketua Pengarang**

Nurliyana Binti Ahmed  
Norshafinaz Binti Nazaruddin  
Siti Nur Amirah Binti Fauzi

**Editor**

Ahmad Fathi Bin Yusoff

**Jurufoto**

Muhammad Khairul Naim Bin Jazli

**Reka Bentuk Grafik & Percetakan**

AZKIA PRINTING  
PT361, Aras Bawah,  
Lembah Sireh (Belakang Tesco),  
15050 Kota Bharu, Kelantan

**Alamat Surat Menyurat:**

INSTITUT PEMIKIRAN TOK GURU DATO'  
BENTARA SETIA  
Tingkat Bawah, Blok Dewan Undangan  
Negeri Kelantan, Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.



# MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

## BAHAGIAN IV

Oleh : Shafinaz Nazaruddin

Pentadbiran Negeri Kelantan bermula dari tahun 2013 sehingga kini dibawah Menteri Besar Kelantan, YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad Bin Yakob. Selepas pemerintahan Almarhum Tuan Guru, YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Dato' Haji Ahmad Bin Yakob meneruskan legasi dengan menumpukan usaha-usaha merakyatkan dasar dengan agenda Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI).

MMBI bertujuan untuk mendidik masyarakat agar bersikap mesra dengan dasar MBI lantas komited kepada semua usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Bukan itu sahaja, ia juga berhasrat untuk menyebarluaskan dasar MBI untuk difahami, diterima, dihayati dan diamalkan secara meluas dalam kalangan rakyat Kelantan.

### 3 Tonggak Kelantan Melangkah Kehadapan:

#### KEBERKATAN

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu penguriaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan." (Al-A'raf: 96)*

Tonggak yang pertama ialah keberkatan. Barakah bukan hanya membawa makna bertambah dan berkembang, tetapi perkembangan dan pembangunan yang perlu disepadukan dengan kebahagiaan dan ketenangan, yang membawa kepada pengertian kemakmuran kerana mendapat rahmat dari Allah. Negeri yang berkat dan makmur akan membawa kebijakan kepada rakyatnya.

#### KEMAKMURAN

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun. Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara." (Saba': 15-16)*

Tonggak kedua ialah kemakmuran. Secara umumnya, makmur bermaksud aman dan sejahtera. Istilah kemakmuran merupakan istilah umum yang digunakan sehari-hari dalam manajemen disiplin ilmu. Namun sebagai sebuah negeri yang berdasarkan dasar Membangun Bersama Islam, kemakmuran yang diinginkan ialah menurut konsep al-Quran sebagai panduan dalam harian dan persepsi kerajaan dan rakyat.



Menurut perspektif Islam, *kemakmuran* ialah kejayaan atau keberhasilan. Ini kerana ia disandarkan dengan kalimah *al-Falah* dalam buku *An Introduction to Islamic Economics* yang dihasilkan oleh Muhammad Akram Khan (1994). *Al-Falah* merupakan konsep yang komprehensif dan mencakupi keseluruhan aspek kehidupan manusia. Terdapat 40 tempat kalimah *al-Falah* dalam al-Quran. Antara ciri-ciri yang terdapat dalam sesebuah negeri yang makmur ialah suasana yang aman, wujudnya keadilan dan cakna terhadap sosioekonomi rakyat.



Pasar Siti Khadijah - Kota Bharu



## KEBAJIKAN

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Bukanlah perkara kebaikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebaikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekaan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan Perang Sabil. Orang-orang yang demikian sifatnya, mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebaikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa." (al-Baqarah: 177)*

Tonggak yang terakhir ialah kebaikan. Negeri berkebaikan adalah sebuah negeri yang mengutamakan kebaikan dan keselesaan rakyat sebagai agenda utama pembangunan negeri. Pemerintah menjaga kebaikan rakyat, mengutamakan rakyat dan tidak membebani rakyat. Inilah hasrat YAB Ustaz Dato' Menteri Besar dalam ucapan dasarnya yang menggariskan tiga bidang; kebersihan dan kesihatan rakyat, khidmat kebaikan serta khidmat perbandaran.

Islam melihat konsep kebaikan secara menyeluruh kepada semua aspek kehidupan untuk semua rakyat. Kebaikan Islam bertunjangkan al-Quran, al-Sunnah dan sejarah kecemerlangan umat Islam. Selain itu, aspek kerohanian, sosial, kepincangan dalam kepimpinan dan sebagainya turut diambil kira dan menjadi keutamaan. ■

**DOA**

# **MEMOHON ILMU YANG BERMANFAAT**

Oleh : Dato' Dr. Johari Bin Mat

اللّٰهُمَّ إِنِّي أَسأّلُكَ عِلْمًا نَافِعًا وَرِزْقًا طَيِّبًا وَعَمَلاً مُتَقَبِّلًا

"Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik, dan amalan yang diterima." (HR Ibnu Majah)

Doa ini dikategorikan sebagai doa yang dibaca pada waktu pagi selepas menunaikan solat Subuh. Doa ini sangatlah digalakkan untuk dibaca sebelum memulakan aktiviti harian dengan tujuan untuk membuktikan kebergantungan seseorang manusia itu terhadap Pencipta Allah 'Azza wa Jalla.

Rasulullah SAW memulai doa ini dengan meminta ilmu yang bermanfaat sebelum meminta perkara lain. Ini bermakna ilmu terbahagi kepada dua iaitu ilmu yang bermanfaat dan tidak. Begitu juga dengan rezeki, sentiasalah kita memohon rezeki yang halal dan dijauhkan daripada rezeki yang

haram. Apabila seseorang itu memberi keutamaan kepada ilmu yang bermanfaat dan rezeki yang baik, sudah tentu dia dapat membezakan amalan yang baik dan buruk. Amalan yang diterima bermaksud bukan semestinya dilakukan dengan banyak akan tetapi hendaklah dilakukan dengan ikhlas dan mengikut apa yang diperintahkan Allah SWT dan RasulNya serta meninggalkan perkara yang dilarangNya.

Semoga kita senantiasa diberikan ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima serta dijauhkan dari sifat sompong dan takbur. Ameen ya Rabbal 'Alamin. ■

AHAD



**Mmikir Biar Comei**  
Merungkai Kekusutan  
Pemikiran dan Ideologi

YBrs. Ustaz Ab Fattah bin Jaffar

Eksekutif Pemasaran dan Komunikasi Korporat,  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)

ISNIN



**Pen Merah Pen Biru**  
Fiqh Kekeluargaan

YBrs. Ustaz Mohd Suhami bin Mohamed

Ketua Penolong Pengarah  
(Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam)  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)

SELASA



**Mari Tadabbur**  
Jom tadabbur dan  
memahami Surah-Surah  
Pilihan

YBhg. Dato' Dr. Johari bin Mat

Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia  
(IPTG)

# KULIAH SECARA LANGSUNG

## Atas Talian (Pagi@IPTG)

Kuliah Secara Langsung Atas Talian atau telah dijenamakan sebagai Pagi@IPTG telah mula disiarkan pada 12 Julai 2020. Program ini berlangsung selama 25 minggu sehingga Disember 2020. Kuliah ini bersiaran langsung secara harian pada waktu bekerja iaitu Ahad hingga Khamis pada jam 9.00 pagi di laman sosial Facebook Institut Pemikiran Tok Guru. Antara slot kuliah dan penceramah adalah sebagaimana berikut:

RABU



**Oghe Kito**  
Pembangunan Insan

YBrs. Ustaz Saibon bin Ismail

Pegawai Agama Jajahan Tanah Merah

KHAMIS



**Biar Cerah**  
Perbincangan dan  
perbahasan mengenai  
Politik Islam

Ustaz Zulqarnain bin Hassan

Pengarah Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK)



19-21 Muharram 1442H / 7-9 September 2020

### **Kursus Pemantapan Kepimpinan Penghulu Mukim Tahun 1442H / 2020**

IPTG telah diberi tanggungjawab oleh Majlis Penghulu untuk mengisi slot MBI-UMI kepada para penghulu sebagaimana yang telah dianjurkan oleh Pusat Kajian Strategik (PKS). Kursus bagi kumpulan kedua telah berjaya diadakan pada 19-21 Muharram 1442H bersamaan 7-9 September 2020 bertempat di Jeram Mengaji, Pasir Puteh. Seramai 60 orang penghulu telah menyertai kursus tersebut.

## **KURSUS PEMANTAPAN KEPIMPINAN**

## **PENGHULU MUKIM**



19-21 Rabiul Awal 1442H / 5-7 November 2020

### **Kursus Pemantapan Kepimpinan Penghulu Mukim Tahun 1442H / 2020**

IPTG telah diberi tanggungjawab oleh Majlis Penghulu untuk mengisi slot MBI-UMI kepada para penghulu sebagaimana yang telah dianjurkan oleh Pusat Kajian Strategik (PKS). Kursus bagi kumpulan ketiga telah berjaya diadakan pada 19-21 Rabiul Awal 1442H bersamaan 5-7 November 2020 bertempat di Jeram Mengaji, Pasir Puteh. Seramai 120 orang penghulu telah menyertai kursus tersebut.

# BESEDEKAHLAH

## Jangan Bimbang!

Hidup ini tidak lekang dari kesempitan, kepayahan dan kesusahan. Meskipun begitu, banyak perkongsian yang sering kita dengari tentang kuasa sedekah tatkala orang yang membantu itu pun dalam kesempitan.


Namun digagahkan juga bersedekah kerana memikirkan nasib mereka yang lebih susah daripadanya. Pengakhirannya, orang yang membantu tadi mendapat sesuatu atau rezeki lain yang tidak disangka-sangka. Usahlah khuatir dan bimbang untuk bersedekah kerana ia antara sebaik-baik perbuatan.

Seorang Muslim yang hebat amalan sedekahnya bukansahaja mendapat sanjungan di atas muka bumi malahan mendapat doa daripada malaikat. Setiap amalan sedekah yang dilaburkan akan ada gantinya daripada Allah SWT. Setiap sedekah akan digantikan dengan ganjaran pahala, limpahan rezeki berganda, menyihatkan tubuh badan dan mendapat keberkatan hidup.

Semakin banyak seseorang itu bersedekah, semakin luaslah rezeki untuknya kelak. Kerana itulah Allah SWT menekankan di dalam al-Quran tentang besarnya pahala dan ganjaran bersedekah kepada golongan yang memerlukan.

Allah SWT berfirman yang bermaksud: “Dan bersegeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat keampunan daripada Tuhan kamu dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa; iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahaninya, dan orang-orang yang memaaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah SWT mengashi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik.” (Surah Ali Imran: 133-134)

“Betapa indah orang yang bersedekah, dekat dengan Allah, dekat dengan syurga. Betapa hebat orang yang bersedekah, hartanya tidak berkurang, malahan makin bertambah dan lebih diberkati. Nikmatnya orang yang diberi kemudahan dalam bersedekah, dunianya indah, akhiratnya jannah.”



Oleh : Shafinaz Nazaruddin

Sebagai contoh, kita boleh mempraktikkan sedekah subuh dalam kehidupan sehari-hari kita kerana terdapat sebuah hadis Nabi Muhammad SAW menggambarkan keuntungan yang bakal diraih seseorang yang rajin berinfak di pagi hari sekaligus kerugian yang bakal dideritanya bilamana dia tidak peduli berinfak di pagi hari. Ingatlah bahawa tidaklah dengan bersedekah itu mengurangkan harta kita.

Dalam satu hadis daripada Abu Hurairah, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “*Tiada satu pagi (hari) pun yang dilalui seorang hamba melainkan akan ada dua malaikat turun dan berdoa, Ya Allah! Berikan kepada pemberi sedekah ganti (sedekahnya), manakala malaikat satu lagi berdoa, Ya Allah! Berikan kepada orang yang menahan sedekah dan kedekut kemusnahan.*” (HR Bukhari dan Muslim)

Manakala dalam hadis lain daripada Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda: “*Barang siapa bersedekah dengan sebutir kurma hasil daripada usahanya sendiri yang baik (halal), sedangkan Allah tidak menerima kecuali yang baik saja, maka sungguh Allah akan menerimanya dengan tangan kanan-Nya, kemudian Dia akan mengembangkan sedekah itu untuk pemiliknya sebagaimana seseorang mengembangkan anak kuda miliknya hingga menjadi besar seperti gunung.*” (HR Bukhari dan Muslim)

Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat pernah berkata, mana-mana orang Islam yang menanam satu tanaman, sama ada tanaman renek yang kecil atau pokok besar, maka sebarang benda yang keluar daripadanya dikira sedekah. (Petikan tazkirah almarhum)

Oleh itu, bersedekahlah walaupun sedikit dan disertakan dengan hati yang ikhlas. Berserahlah kepada Allah SWT dan mudah-mudahan kita memperoleh ganjaran selayaknya. ■



Alhamdulillah, Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia sekali lagi telah berjaya menerbitkan sebuah buku ringkas yang boleh menjadi rujukan utama kepada semua lapisan masyarakat. Istimewanya buku ini telah disemak oleh dua orang individu yang dekat dengan Tok Guru iaitu pertamanya, adik seibu sebaik dengan Tok Guru iaitu Tok Guru Nik Razi bin Nik Mat dan seorang lagi menantu Tok Guru, Profesor Madya Dr. Nik Yusri bin Musa. Juga istimewanya buku ini telah dilancarkan oleh YB Dato' Timbalan Menteri Besar ketika program Wacana Memartabat Legasi Tok Guru Dato' Bentara Setia Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat bersempena **3 dekad pentadbiran Membangun Bersama Islam** pada 16 November 2020.

Buku ini bukan sekadar mengandungi kisah perjalanan hidup Tok Guru Dato' Bentara Setia Dato' Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat tetapi mengandungi pemikiran beliau sepanjang 23 tahun menjadi Menteri Besar Kelantan yang kelima. Antara kandungan yang terdapat buku ini adalah bermula daripada keturunan Tok Guru, pendidikan, perkahwinan, kerjaya awal dan politik, sumbangan beliau sepanjang menjadi Menteri Besar, legasi selepas pemerintahan Tok Guru, dan juga anugerah dan penghargaan yang dicapai oleh Tok Guru sepanjang hayat.

## *Ulasan Buku*

# **BIOGRAFI RINGKAS TOK GURU DATO' BENTARA SETIA**

## **DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ NIK MAT**

Oleh: Nurliyana Ahmed

Tok Guru Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat merupakan satu nama yang tidak perlu diperkenalkan lagi. Tok Guru, gelar rakyat kepadanya, manakala Dato' Bentara Setia diampuni perkenan oleh Tuanku Sultan Muhammad V, sedang nama tubuhnya Nik Abdul Aziz bin Nik Mat. Tok Guru dilahirkan pada tahun 1350H/1931M di Kampung Kedai Lalat (Kota Jembal), Kota Bharu, Kelantan, anak kepada pasangan Nik Mat @ Raja Muhammad bin Raja Banjar dan Siti Aminah binti Abdul Majid; mewarisi jalur keturunan kerabat Diraja Jembal yang pernah memerintah Kelantan antara tahun 1048H/1638M hingga 1132H/1720M.

Disini, penulis ingin ketengahkan kronologi bagaimana bermulanya politik Tok Guru. Penglibatan Tok Guru dalam PAS bermula tanpa dirancang apabila namanya dipilih tanpa pengetahuannya untuk menjadi calon PAS bagi pilihanraya kecil Parlimen Kelantan Hilir pada tahun 1967 ekoran kematian penyandang Haji Ahmad Abdullah Prai yang meninggal dalam kemalangan jalan raya. Tok Guru menerima pelawaan tersebut sekaligus mendaftar sebagai ahli PAS pada 20 September 1967 dengan nombor keahlian 66167 dan meletakkan jawatan serta merta sebagai guru di Maahad Muhammadi, tiga hari sebelum menjadi calon PAS. Dalam pilihanraya itu, Tok Guru mengalahkan calon Parti Perikatan, Tengku Noor Asiah dengan majoriti 3,259 undi. Tok Guru mendapat 11,855 undi manakala Tengku Noor Asiah mendapat 8,596 undi.

Seterusnya, penglibatan Tok Guru dalam parti adalah sebagaimana berikut;

Tahun	Jawatan Parti
20 September 1967	Mendaftar sebagai ahli Parti Islam Se-Malaysia
1968-1995	Ketua Dewan Ulamak PAS Pusat
1968-1981	Ahli Perhubungan PAS Negeri Kelantan
1981-2013	Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan
1987-1991	Ahli Majlis Syura Ulamak PAS
1991-1994	Timbalan Mursyidul Am
1995-2015	Mursyidul Am

*Jawatan Tok Guru dalam parti*

Tahun	Jawatan Kerajaan
1967-1969	Ahli Parlimen Kelantan Hilir
1969-1986	Ahli Parlimen Pengkalan Chepa
1968-1990	Ketua Pembangkang DUN Kelantan
1986-1995	ADUN Semut Api
1995-2015	ADUN Chempaka
1990-2013	Menteri Besar

*Jawatan Tok Guru dalam kerajaan**Tok Guru di pejabat Menteri Besar*

Tok Guru dilantik menjadi Menteri Besar yang kelima pada 21 Oktober 1990 selepas Angkatan Perpaduan Ummah (APU) memenangi kesemua 39 kerusi DUN. Apa yang menjadi panduan pentadbiran negeri Kelantan sehingga kini adalah pemikiran beliau sepanjang 23 tahun menjadi Menteri Besar Kelantan. Pentadbiran negeri Kelantan berdasarkan dasar Membangun Bersama Islam bertunjangan '*Ubudiyah, Mas'uliyyah* dan *Itqan*'.

Bagi merealisasikan dasar Membangun Bersama Islam, pelbagai pekeliling, enakmen dan dasar digubal antaranya ialah dasar pentadbiran kerajaan berteraskan syariat, dasar perundungan dan kehakiman, dasar kebudayaan dan kesenian, dasar pembangunan dan pendidikan, dasar pembangunan ekonomi dan juga pembangunan sosial. Kerajaan Negeri juga menjadikan teras Membangun Bersama Islam iaitu '*Ubudiyah, Mas'uliyyah* dan *Itqan* (UMI) sebagai Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan bermula 2008 yang dimaklum pemakaian melalui Pekeliling Am Negeri Kelantan 1/2008. Pelaksanaan gagasan Membangun Bersama Islam dapat dilihat melalui pelbagai dasar dan program yang telah dilaksanakan sehingga sekarang merangkumi kebajikan rakyat, pelaksanaan syariat, kemajuan pendidikan, kebudayaan & pelancongan, pembangunan wanita & belia, seni hiburan, kemajuan pertanian dan keharmonian kaum.

Setelah 23 tahun menjadi Menteri Besar, Tok Guru mengundurkan diri pada usia 82 tahun selepas Pilihan Raya Umum ke-13. ADUN Pasir Pekan, YAB Dato' Bentara Kanan Dato' Haji Ahmad Yakob mengangkat sumpah jawatan sebagai Menteri Besar baru di hadapan Sultan Kelantan Sultan Muhammad V di Istana Negeri, Kubang Kerian pada 6 Mei 2013 pada usia 63 tahun.

Itulah serba sedikit coretan penglibatan politik Tok Guru sepanjang hayatnya. Amatlah tinggi harapan warga IPTG agar buku kecil ini akan memberi manfaat kepada para pembaca sekalian. ■



## WACANA MEMARTABAT LEGASI TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ NIK MAT SEMPENA SAMBUTAN 3 DEKAD PENTADBIRAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

IPTG telah menganjurkan satu program wacana bersama Pejabat Exco dibawah portfolio Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi pada 30 Rabiul Awal 1442H bersamaan 16 November 2020 bertempat di H-Elite Design Hotel, Tunjong, Kota Bharu bersempena sambutan tiga dekad pentadbiran Membangun Bersama Islam. Seramai 180 orang peserta yang terdiri daripada ADUN, Penyelia, Ketua-Ketua Jabatan Negeri & Persekutuan, Penghulu, Halaqat dan juga Urus Setia telah menghadiri program tersebut. Program bermula pada jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari. Antara pengisian program tersebut ialah berlangsungnya empat pembentangan yang terdiri daripada empat orang pembentang sebagaimana berikut:

### **Pembentang 1**

Tajuk : Legasi Dato' Bentara Setia Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat  
Oleh : YBhg. Dato' Dr. Johari bin Mat Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG)

### **Pembentang 2**


Tajuk : Tok Guru sebagai Ketua Keluarga  
Oleh : YBhg. Prof Madya Dr. Nik Yusri bin Musa Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

### **Pembentang 3**

Tajuk : Tok Guru sebagai Murabbi Ummah / Da'ie / Pendakwah  
Oleh : YB Dato' Hj. Abdullah bin Ya'kub Speaker Dewan Negeri

### **Pembentang 4**

Tajuk : Tok Guru sebagai Ahli Politik & Ketua Pentadbir  
Oleh : YBrs. Dr. Wan Nik Wan Yussof Pengarah Pusat Kajian Strategik (PKS)



Program diteruskan dengan sesi soal jawab. Seterusnya, ucapan aluan oleh YB Ustaz Azhar bin Salleh (Timbalan Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan merangkap Pengurus Program) dan ucaptama serta penutup disampaikan oleh YB Dato' Mohd Amar bin Abdullah (Timbalan Menteri Besar Kelantan).

Selepas itu, peserta dipertontonkan sebuah montaj Tok Guru sebagai gimik Majlis Pelancaran Buku Biografi Ringkas Tok Guru Dato' Bentara Setia Dato' Hj. Nik Abdul Aziz bin Nik Mat yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Hj. Mohd Amar bin Abdullah. ■



25 SAFAR 1442H  
13 OKTOBER 2020

## KURSUS KEFAHAMAN DASAR MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (MBI) DALAM PROFESIONALISME PIHKAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Kursus Kefahaman Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) Dalam Profesionalisme Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah diadakan di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu. Seramai 65 orang ahli majlis dan pegawai tertinggi MPKB-BRI telah menyertai kursus tersebut. YBhg. Dato' Dr. Johari bin Mat telah menyampaikan ceramah bagi memenuhi pengisian program tersebut. Pengisian pertama ialah Sejarah Pentadbiran Islam di Kelantan, Membangun Bersama Islam (MBI), dan *Ubudiyyah, Mas'uliyyah* dan *Itqan* (UMI). Pengisian kedua ialah Pengurusan Menurut Perspektif Islam. ■





10 RABIUL AWAL 1442H  
27 OKTOBER 2020

## AMANAT KHAS YAB USTAZ DATO' BENTARA KANAN MENTERI BESAR KELANTAN MAJLIS PERASMIAN 3 DEKAD PENTADBIRAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM KERAJAAN NEGERI KELANTAN DAN AMANAT KHAS KEPADA PENJAWAT AWAM KELANTAN

Pada tanggal 10 Rabiul Awal 1442H bersamaan 27 Oktober 2020 (Ahad) telah diadakan Majlis Perasmian 3 Dekad Pentadbiran Membangun Bersama Islam (MBI) Kerajaan Negeri Kelantan dan Amanat Khas kepada Penjawat Awam Kelantan. Majlis ini bertempat di Dewan Jamuan Utama, Kompleks Kota Darulnaim mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Menteri Besar Kelantan, Dato' Ahmad Yaakob telah meluahkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan izinNya pentadbiran negeri ini diterajui oleh kepimpinan ulama bagi memastikan dasar pentadbiran MBI kekal sebagai paksi utama pentadbiran negeri.

Dua matlamat yang dilaksanakan oleh pentadbiran MBI dalam mengaplikasikan konsep siasah syariyyah bagi membentuk pemikiran dan pemahaman rakyat ialah:

Pertama: *Hirasah al-din* (menjaga nama) seperti mendaulatkan akidah Islam dan menghapuskan kemungkaran, serta menggalakkan amal Islami dengan pemerkasaan program pembangunan islam dan dakwah serta pelbagai lagi.

Kedua: *Siasah al-dunya bihi* (mentadbir urusan kerajaan berpandukan ajaran Islam) seperti dalam urusan kewangan, kebajikan, pembangunan ekonomi, pentadbiran tanah, pertanian, perhutanan dan sebagainya.

Beliau juga menyatakan bahawa Dasar MBI telah melalui dua fasa. Fasa pertama telah diasaskan oleh tokoh yang disanjungi Almarhum Tuan

Guru selama 23 tahun dan ianya merupakan fasa pemantapan dasar. Manakala fasa kedua bermula pada tahun 2013 dimana Kerajaan Negeri Kelantan telah melancarkan Pelan Strategik Merakyat Membangun Bersama Islam bertonggakkan Keberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan agar setiap agenda pentadbiran dan pembangunan dapat dirakyatkan secara komprehensif dan bersepadu.

Manakala, Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan 2015-2025 merupakan pelan induk sebagai kesinambungan untuk menjayakan perkara yang digariskan dalam fasa Merakyat Membangun Bersama Islam.

Dalam mengharungi 3 dekad ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai dasar, program dan pendekatan berdasarkan kepada 4 aspek berikut:

- Pertama** : Merakyatkan Budaya Ilmu & Memperkasa Pembangunan Insan
- Kedua** : Memantapkan Pentadbiran Berasaskan Integriti, Akauntabiliti dan Kredibiliti
- Ketiga** : Merakyat Pembangunan Ekonomi Yang Mampan
- Keempat** : Pemerkasaan Program Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat

Di akhir ucapan, beliau telah mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh penjawat awam negeri Kelantan atas kejayaan cemerlang dalam pentadbiran dan pengurusan serta kepada semua yang telah menjayakan dasar Membangun Bersama Islam dan merakyatkannya. ■

## KUNJUNGAN HORMAT

Kunjungan daripada  
En. Asmawi Ani,  
selebriti Malaysia dan  
kru Zayan FM

02 Safar 1442H  
20 September 2020



Kunjungan hormat Ustaz  
Muhammad Ramlan  
Mahmood, Pengarah  
Akademi Didik ulama  
Amilin Terengganu-  
DUAT, Tn. Hj. Hamidi  
Jusoh, Penolong  
Pengarah Institut Modal  
Insan Terengganu,  
Sejahtera (i-Mits) dan  
En. Suhaimi Taib dari  
Urus Setia Penerangan  
Darul Iman (UPDI) serta  
rombongan.

10 Safar 1442H  
28 September 2020



Amanat Khas Menteri  
Besar Kelantan Sempena  
3 Dekad Kerajaan Negeri  
Kelantan Membangun  
Bersama Islam Kepada  
Pegawai-pegawai dan  
Kakitangan Lantikan  
Politik dan Urusetia  
Kerajaan Negeri  
bermula 8.00 -11.00 pagi  
Hotel Grand River View,  
Kota Bharu

29 Safar 1442H  
17 Oktober 2020



29 Safar 1442H  
**17 Oktober 2020**



25 & 26 Rabiul Akhir 1442H  
**11 & 12 Disember 2020**



Seminar & Bengkel Pengukuhan Gerak Kerja Urusetia- Urusetia Kerajaan Negeri Kelantan  
8.00 pagi – 5.00 petang Dewan Puteri Saadong, Hotel Grand River View, Kota Bharu

Program Retreat Muhibbah Pemantapan Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK) dan Pusat Kajian Strategik (PKS) Dabong di Kesedar Inn, Gua musang



1442H - 1443H

## NORMA BAHRU DI TEMPAT KERJA

### KEPATUHAN SOSIAL

Sebelum pergi ke tempat kerja, pastikan anda sihat dan bebas bergejala. Jika bergejala, segera dapatkan rawatan dan jangan hadir bekerja.



### KEPATUHAN SOSIAL

Imbas suhu badan sebelum mulakan kerja.



### KEPATUHAN SOSIAL

Gunakan aplikasi telefon pintar MySejahtera.



### PAKAI PELITUP MUKA (MASK)

Digalakkan memakai pelitup muka (mask) & wajib bagi yang bergejala.



### KERAP CUCI TANGAN

Kerap cuci tangan dan sentiasa bawa mini hand sanitizer.



### KERAP CUCI TANGAN

Sediakan hand sanitizer di kaunter utama / lokasi strategik.



### JAGA JARAK SOSIAL

Pastikan jarak sosial selamat yang sesuai dengan situasi / persekitaran tempat kerja masing-masing.



### JAGA JARAK SOSIAL

Amalkan jarak 1 meter ketika ditempat sesak dan tertutup seperti:  
•Pantri, bilik mesyuarat, bilik konsultasi, ruang kerja, lif, surau, lobi /ruang menunggu, kaunter pendaftaran dan stor



### KERAP DISENFEKSI

Disinfeksi kawasan/ permukaan yang kerap disentuh.



### ELAK BERSENTUHAN

Pastikan tidak bersalaman / bersentuhan dengan rakan sekerja. Elakkan bercakap secara rapat.



### JAGA KEBERSIHAN DIRI

Elakkan berkongsi makanan/ minuman & barang peribadi dengan rakan sekerja.



### JAGA KEBERSIHAN DIRI

Terus pulang ke rumah, bersihkan diri dan tukar pakaian.

